

20/10/2002

Kebangkitan China, India bimbangkan Amerika

Syed Akbar Ali

LETUPAN bom di Bali dan serangan bom di Zamboanga, Manila dan di selatan Thailand membawa kesan buruk terhadap rantau Asia Tenggara. Tambah lagi apabila peristiwa buruk seperti ini dikaitkan dengan pergerakan pengganas yang berasaskan agama. Semua orang Islam dan negara Islam menanggung kejatuhan imej hasil daripada perbuatan orang yang suka mengganas.

Tetapi dalam dunia moden yang dipengaruhi media dan televisyen, persepsi kita terhadap perkara yang baik dan buruk, siapa yang baik atau jahat dibentuk mengikut pandangan stesen televisyen dan akhbar antarabangsa. Kita amat kesali bukan saja semua letupan bom tetapi semua jenis kezaliman atau keganasan yang mengakibatkan kecederaan anggota badan, kerosakan harta benda dan yang amat penting juga kehancuran peluang hidup.

Apabila askar Israel menyerang Jenin di Palestin, mereka bukan hanya meletupkan rumah orang awam atas alasan rumah itu didiami pejuang Palestin atau penyokong pejuang Palestin tetapi mereka gunakan jentolak untuk menghancurkan telefon awam, tiang lampu, memutuskan paip air, memecahkan pesiaran kaki lima, lampu isyarat dan perhentian bas.

Tujuan mereka sebenarnya adalah untuk melenyapkan sama sekali peradaban Arab baru yang dibangunkan oleh orang Palestin setelah mereka diberi peluang mendirikan negara sendiri dalam kawasan jajahan Palestinian Authority dengan Yasir Arafat sebagai Presidennya.

Seperti mana kita sedia faham, kezaliman seperti ini tidak dilaporkan oleh media asing yang dikawal oleh Barat juga. Pada masa ini, Amerika Syarikat, Britain dan Australia yang juga menjadi negara orang keturunan Inggeris adalah satu pakatan negara pengganas Barat yang masih berpengaruh di pentas dunia sebagai peninggalan daripada empayar penjajahan Inggeris yang telah memuncak pada abad ke-19.

Tetapi dengan kemunculan kuasa-kuasa besar yang baru seperti China, India, Eropah dan Russia serta kuasa-kuasa saiz sederhana yang lain seperti Asean dan Korea Selatan, maka kedudukan dan pengaruh pakatan ganas Inggeris ini makin berkurangan. Peningkatan dalam serangan ganas dan komplot untuk merosakkan ekonomi negara-negara yang tidak disukai mereka menunjukkan bahawa semakin banyak negara dalam dunia ini tidak mahu berada di bawah telunjuk Amerika dan Britain.

Amerika dan Britain menghadapi masalah untuk hidup secara aman dan damai dengan seluruh dunia kerana mereka adalah pewaris kepada satu tradisi yang zalim yang suka menumpahkan darah manusia. Britain telah menjajah hampir separuh daripada muka bumi dunia termasuk tanah Amerika Utara. Dalam proses ini, mereka telah membunuh berjuta orang manusia.

Mereka juga telah mengembangkan perniagaan hamba abdi ke peringkat antarabangsa. Berpuluh juta hamba abdi dan tanah jajahan yang luas telah menjadikan Amerika dan Britain negara yang kaya. Beratus juta rakyat keturunan kulit hitam di Amerika Utara dan Selatan membawa bukti tradisi kezaliman orang kulit putih untuk selamanya.

Pada abad ke-20 pula tradisi zalim dan menumpah darah ini telah diwarisi Amerika daripada Britain. Perang Korea, Perang Vietnam, beratus peperangan kecil di benua Afrika dan Amerika Selatan, serangan ekonomi terhadap negara-negara Asia dan Amerika Selatan semuanya adalah sebahagian daripada pendekatan Amerika dan Britain untuk mengekalkan kekayaan dan kedudukannya. Hamba abdi zaman moden adalah negara-negara yang akan membekalkan semua kehendak Amerika dan Britain pada harga yang paling murah.

Sesiapa yang enggan mengikut telunjuk mereka akan diserang. Inilah yang sedang berlaku di Iraq. Dan krisis mata wang 1998 di negara kita sebenarnya adalah komplot serangan ekonomi Amerika dan Britain.

Ia tidak mustahil bagi Amerika dan Britain untuk mengebom negara kita ataupun melancarkan serangan ekonomi sekali lagi terhadap negara kita jika mereka mendapati Malaysia terlalu berpengaruh di kalangan negara Asean dan negara-negara Islam yang boleh menjejaskan pengaruh Amerika dan Britain di pentas dunia.

Menurut beberapa pemerhati Amerika telah pun mula berkempen untuk memburukkan nama Dr Mahathir lagi di kalangan negara Islam kerana mereka bimbang kemungkinan Dr Mahathir akan dipilih menjadi Presiden Persatuan Negara Islam (OIC) pada persidangannya di Kuala

Lumpur pada 2003. Apa yang menakutkan mereka ialah seruan Dr Mahathir supaya negara Islam menggunakan minyak sebagai senjata untuk melawan Amerika dan Israel.

Begitu juga "kesilapan" memasukkan nama negara kita dalam senarai negara yang menyokong penganas, "pembocoran" berita bahawa parti Barisan Nasional mempunyai hubungan dengan puak-puak ganas, berita heboh mengenai penutupan kedutaan Amerika Syarikat pada 11 September lalu kononnya atas sebab ancaman keselamatan semua boleh menjadi alasan bagi mereka untuk merancang tindakan tertentu terhadap negara kita.

Oleh itu kita perlu meningkatkan pertahanan negara dan daya tahanan negara kita. Pertahanan kita maksudnya ialah kelengkapan persenjataan dan kesediaan kita untuk menghalang serangan ganas terhadap tanah air kita. Hakikatnya ialah negara kecil yang mempunyai pertahanan dan persenjataan yang canggih lebih berupaya untuk menjamin kebebasannya. Sweden, Singapura, Israel, Korea dan Taiwan menjadi contoh yang baik sebagai negara kecil yang memberi perhatian yang khusus untuk meningkatkan persenjataan dan pertahanan negara.

Kita tidak boleh merasa puas hati dengan pembelian kapal selam atau pesawat canggih Amerika dan Russia. Malaysia sepatutnya mempunyai lebih banyak kapal selam, kapal pengangkut helikopter dan pesawat terbang (mini aircraft carrier). Ia tidak memadai bagi kita membeli persenjataan daripada negara lain. Malaysia sepatutnya menghasilkan alat persenjataan kita sendiri.

Walaupun kita negara kecil, kita perlu mengadakan keupayaan untuk menghasilkan sistem peluru berpandu sendiri serta meriam jarak jauh dan kereta kebal buatan Malaysia.

Penulis berharap pembaca budiman tidak melihat penulis sebagai seorang 'warmonger' yang suka kepada persengketaan dan peperangan tetapi pada hakikatnya kita hidup dalam satu zaman yang makin lama menjadi makin berbahaya. Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad sendiri telah berkata zaman sekarang lebih bahaya keadaannya daripada masa Perang Dunia Kedua.

Keadaannya akan menjadi bertambah rumit di seluruh dunia kerana Amerika Syarikat makin lama akan kehilangan pengaruhnya di pentas dunia. Masalah politik dan peperangan pasti akan berlaku lagi kerana Amerika tidak boleh menerima hakikat ini dan juga mereka tidak tahu cara untuk berkongsi hidup secara aman dengan negara-negara lain yang tidak sudi mengikut telunjuk mereka.

Soalannya bilakah pengaruh Amerika akan luput dan bilakah detik permulaan peperangan dan persengketaan ini? Sebahagian pemerhati melihat kepada kemunculan negara China dan India sebagai satu ancaman besar kepada pengaruh Amerika.

Negara China mempunyai 1.3 bilion penduduk manakala India pula mempunyai lebih satu bilion penduduk. Kedua-dua negara ini, terutama sekali China sekarang sudah mula menjadi gergasi ekonomi.

Dalam sekelip mata saja China sekarang menjadi pasaran kedua terbesar di

dunia bagi penjualan kereta, lori dan bas. Dalam 20 tahun yang akan datang, China akan menjadi pasaran yang terbesar dalam dunia bukan saja untuk kereta, lori dan bas tetapi juga untuk peralatan stesen jana kuasa, kapal terbang jet, kereta api penumpang laju (high speed train), kapal pengangkut kontena, telefon bimbit, mesin basuh kain dan hampir segala-galanya.

Pasaran yang begitu luas dan juga rakyat yang berdisiplin yang hidup dalam keadaan stabil dan aman pasti akan menjadikan China sebuah gergasi ekonomi dunia. Dan lazimnya kuasa ekonomi turut membawa bersamanya kekuatan persenjataan dan pertahanan. China terpaksa bergantung kepada Asia, Australia, Afrika dan Timur Tengah untuk mengimpot bahan mentah galian, bahan bakar minyak dan gas dan banyak keperluan dasarnya. Oleh itu China akan perlu kepada kuasa ketenteraan untuk mengatasi sebarang ancaman yang boleh menjejaskan pengaliran bahan asas ini.

Amerika amat peka akan persaingan negara China sebagai sebuah gergasi ekonomi dan juga potensinya sebagai seteru. Amerika dan Britain juga tidak pernah menyenangi dasar luar China yang langsung tidak hiraukan kepentingan Amerika dan Britain.

Sebagai contohnya China dan juga India telah menghasilkan senjata nuklear dan tidak rela menerima sebarang sekatan terhadap pembuatan senjata nuklear. Pendirian India misalnya amat mudah iaitu India akan memusnahkan semua senjata nuklearnya apabila Amerika setuju berbuat demikian.

China juga tidak menyertai WTO atau World Trade Organisation untuk masa yang begitu lama. Sekarang setelah menyertainya China tidak selalunya mengikuti semua syarat WTO jika syarat itu membebankan mereka dan hanya menguntungkan negara maju.

Sebaliknya China telah mengumumkan penubuhan sebuah lembaga khas yang akan memantau negara lain, terutama sekali negara Barat, yang melanggar perjanjian WTO termasuk mewujudkan sekatan ekonomi terhadap negara lain. Walaupun China belum lagi umumkan sebarang dasar agresif ia tidak mustahil bagi China untuk menghalang negara yang menimbulkan `masalah' daripada menceburi ekonomi Cina yang begitu besar itu.

Bayangkan jika semua kereta buatan Amerika dilarang daripada pasaran China tetapi kereta buatan Korea pula tidak menghadapi sebarang sekatan. Sudah tentu Hyundai dan Kia akan menjadi gergasi yang lebih besar daripada Ford dan General Motors.

Maka China dan juga India akan menjadi gergasi ekonomi dan kuasa tentera bukan saja di Asia tetapi dalam dunia. Sebagai sebuah negara Asia yang amat dekat dengan benua India dan China serta mempunyai pertalian yang begitu rapat dengan kedua-dua negara ini, kita tidak dapat mengelakkan diri daripada terbabit dalam percaturan politik dan mainan kuasa besar. Oleh itu kita perlu selalu sedia untuk menghadapi sebarang dugaan dan cabaran yang bakal menimpa negara kita.